



JURUTERA tempatan bagi Pasukan Sauber Petronas, (dari kiri) Ahmad Izaham Ismail, Shaharuddin Hamid Mustapha, Mohd Irwan Mohd Anuar dan Mohd Ruhaidi Rushin.



DR MAHATHIR mencuba kecanggihan kereta Lotus M-250 ketika mengunjungi Lotus Engineering di Hethel berhampiran Norwich, England. - Bernama

Tidak ada apa yang tidak boleh dilakukan oleh rakyat Malaysia jika mereka bersungguh-sungguh mahu melakarkan kejayaan dalam bidang apa sekali pun dengan satu cita-cita, iaitu mengangkat maruah bangsa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

Oleh Ridzuan Yop

SEMANGAT 'Malaysia Boleh' yang diterapkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan satu pencapaian luar biasa rakyat Malaysia di pentas dunia.

Mereka berjaya membuktikan bahawa anak Malaysia setanding dan mampu bersaing dengan bangsa lain di dunia dan tidak lagi setakat menjadi jaguh kampung.

Slogan keramat itu, menyaksikan kemunculan satu demi satu anak Malaysia tampil menyatakan kesanggupan mereka untuk mengharungi cabaran yang sebelum ini dilihat mustahil untuk dilakukan.

Itulah Dr Mahathir yang sentiasa mengingatkan rakyat Malaysia bahawa dengan keyakinan tinggi dan kesanggupan melakukan sesuatu berulang kali walaupun sukar akan membuahkan hasil.

Sudah ada anak Malaysia mengibarkan Jalur Gemilang di puncak Gunung Everest M Magendran dan N Mohandas (23 Mei 1997), anak Malaysia yang berani mengelilingi dunia secara solo dengan kapal layar Jalur Gemilang (Datuk Azhar Mansor pada 1999) dan Datuk Abdul Malik Mydin berenang merentasi Selat Inggeris sejauh 32.8 kilometer pada Ogos 2003.

Melalui slogan keramat itu juga rakyat Malaysia bakal menyaksikan satu lagi kejayaan luar biasa apabila antara mereka dijangka menjadi angkasawan pertama ke angkasa lepas pada 2005.

Agensi Angkasa Negara (NSA) kini giat meneliti kriteria yang akan ditetapkan bagi pemilihan calon angkasawan negara ini. Lebih penting, angkasawan itu mungkin sesiapa daripada kita rakyat Malaysia.

Memang tidak pernah terlintas di fikiran ramai akan ada bakal bergelar angkasawan.

Bagi Dr Mahathir tidak ada apa yang tidak boleh

Malaysia Boleh

BH 31/10/2003 - 19 PRECISE

dilakukan oleh rakyat Malaysia jika mereka bersungguh-sungguh mahu melakarkan kejayaan dalam bidang apa sekali pun dengan satu cita-cita, iaitu mengangkat maruah bangsa.

Selepas 46 tahun negara mencapai kemerdekaan, lebih banyak kejayaan bakal dilakar di pentas dunia dan semangat rakyat begitu tinggi dan mengikis tanggapan bahawa mereka takut menghadapi cabaran.

Sejak menerajui negara selama 22 tahun, Dr Mahathir berjaya mengubah Malaysia daripada negara pertanian kepada negara perindustrian yang tumbuh begitu pesat dan mensasarkan menjadi negara maju menjelang 2020.

Kawan dan lawan tidak dapat tidak terpaksa mengakui bahawa Dr Mahathir berjaya membawa satu perubahan pemikiran dalam sebuah masyarakat moden Malaysia yang berani menghadapi cabaran dunia.

Semangat Malaysia Boleh itu, yang juga berteraskan kepada pengetahuan sains dan teknologi menjadikan rakyat Malaysia lebih berkeyakinan untuk menerokai sebanyak mungkin bidang baru.

Dalam menuju mencari kemajuan dalam kehidupan seharian matlamat Wawasan 2020 turut menekankan nilai agama bagi mewujudkan keseimbangan antara keperluan kebendaan dan kerohanian.

Sumbangan Dr Mahathir kepada Malaysia terlalu besar terutama dengan kemampuannya membawa perubahan sosial dalam masyarakat berbilang kaum berdasarkan kepada nilai murni dalam agama.

Kejayaan Malaysia itu jelas terlihat begitu cemerlang dalam pelbagai bidang terutama pendidikan, ekonomi, politik, sukan, penyediaan dan pemangnan (R&D).

Dalam acara sukan, Malaysia berupaya menganjurkan pelbagai acara sukan berprestij pada peringkat dunia seperti Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998; lumba kereta F1 di Litar Sepang, kejohanan bot laju berkuasa tinggi dan F1 kuda.

Kemampuan Malaysia menganjurkan perlumbaan kereta F1 buat pertama kali pada 1999 menaikkan profil Malaysia di mata dunia.

Selain itu, Malaysia turut diberi kepercayaan menganjurkan persidangan utama dunia termasuk Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Persidangan Negara-negara Berkecuali (NAM) Februari lalu.

Jurutera tempatan juga baru-baru ini mencatat sejarah apabila berjaya menghasilkan satelit buatan Malaysia - RazakSAT - yang akan dilancarkan menjelang pertengahan Ogos tahun depan.

Dr Mahathir tidak saja mengajak rakyat Malaysia merealisasikan slogan 'Malaysia Boleh', malah Perdana Menteri sendiri turut membuktikan kemampuannya.

Mungkin tidak ramai tahu bahawa Dr Mahathir sendiri menggemari kegiatan mencabar. Selain menjelajah Antartika, benua paling sejuk di dunia, beliau juga pernah mengharungi Lembah Amazon di Brazil dan menemui kawasan hutan getah, tempat asalnya komoditi yang satu ketika dulu pernah memberi nikmat kepada rakyat Malaysia.

Kita harus menerima hakikat, semua kejayaan ini dicetus Dr Mahathir dan kesungguhannya meletakkan nama Malaysia sebaris negara maju berjaya mengeluarkan Malaysia daripada terus diperlekehkan negara maju.

Kita patut berterima kasih kerana memiliki pemimpin berpandangan jauh dan sentiasa menyokong aktiviti mencabar serta menguji semangat juang generasi muda. Untukmu Mahathir - Malaysia Boleh!



AZHAR MANSOR anak Malaysia yang mengelilingi dunia secara solo dengan kapal layar Jalur Gemilang pada 1999.



PERENANG maraton negara Abdul Malik Mydin gembira selepas berjaya menamatkan renangannya dari Dover England menyeberangi Selat Inggeris ke pantai Wissant, Calais Perancis sejauh 32.8 kilometer.

DUA anak Malaysia, M Magendran dan N Mohandas mengibarkan Jalur Gemilang di puncak Gunung Everest, selepas menawaninya pada 23 Mei 1997.

